

20 NOV 1999

Tajol-MB

FAKTOR "BAKAL MB" DIJANGKA BANTU KEMENANGAN BN DI GERIK

GERIK, 20 Nov (Bernama) -- Suasana penamaan calon di kawasan Parlimen Gerik dan tiga kerusi Dewan Undangan Negerinya (DUN) di sini berlangsung dalam suasana hangat kerana ia melibatkan individu yang disebut-sebut bakal menjadi Menteri Besar Perak yang kesembilan.

Klimaks proses penamaan itu tiba apabila pegawai pilihan raya mengumumkan bahawa Datuk Seri Tajol Rosli Ghazali, 55, layak bertanding di kerusi DUN Kenering tepat jam 1.15 petang dan beliau akan ditentang calon PAS, Azman Pandak yang merupakan Ketua PAS Gerik.

Pengumuman itu disambut sorakan gemuruh hampir 4,000 penyokong BN dalam rintik hujan yang seolah-olah mengiringi harapan penuh mereka supaya bekas anggota Parlimen Gerik sejak 1978 itu akan dilantik sebagai Menteri Besar.

Gerik yang mempunyai 38,637 pengundi dengan tiga kawasan DUN - Pengkalan Hulu (14, 848 pengundi), Temenggor (11,879) dan Kenering (11,910) merupakan di antara kubu kuat BN yang cuba ditakluki PAS dan Keadilan dalam pilihan raya 29 Nov ini.

Tajol Rosli bertukar tempat dengan Khamsiyah Yeop, yang kini menjadi calon BN bagi kerusi Parlimen Gerik.

Tajol Rosli sebelum ini pernah memenangi dan memegang DUN Kenering selama sembilan bulan pada 1977 bagi mengisi kerusi yang dikosongkan oleh bapanya, Tan Sri Ghazali Jawi yang meletakkan jawatan sebagai menteri besar dan menjadi duta.

Walaupun Tajol Rosli yang berperawakan sederhana berulang kali mendakwa beliau tidak mendapat sebarang "petunjuk" dari Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mengenai jawatan menteri besar, kebanyakan penduduk di kawasan Parlimen Gerik tetap yakin beliau akan mengisi jawatan utama di Perak itu.

"Orangnya sesuai kerana bersikap sederhana dan mempunyai rekod yang bersih," kata calon BN yang akan bertanding kerusi DUN Pengkalan Hulu, Ibrahim Mohamed Hanafiah

Menurut Ibrahim, faktor itu akan banyak membantu jentera BN berkempen tambahan pula tiada serangan peribadi setakat ini yang dibuat oleh parti pembangkang terhadap Menteri di Jabatan Perdana Menteri itu.

Lawan beliau di Kenering turut mengakui faktor "bakal MB" akan mempengaruhi kecenderungan pengundi di sini dan ada kemungkinan menggugat sokongan terhadap parti pembangkang.

"Mungkin ada kesannya, tetapi dalam politik kita beradu kekuatan terlebih dahulu sebelum mengalah," kata Azman yang pernah menjadi penyelia Felda sebelum bersara lima tahun lepas.

Bagi penduduk di sini, peluang untuk memperolehi seorang menteri besar dari Ulu Perak sekali lagi, satu berita yang diterima baik setelah menanti lebih 16 tahun.

Mereka percaya sudah tiba masanya untuk anak kelahiran Ulu Perak menjadi Menteri Besar kali ini setelah daerah ini menghasilkan tiga Menteri Besar sebelum ini termasuk Mohd Ghazali yang dua kali memegang jawatan itu antara tahun 1957-60 dan 1974-77.

Dalam keghairahan penduduk di sini memperkatakan kemungkinan itu, Tajol Rosli tetap menegaskan, tugas utama beliau adalah untuk memastikan kemenangan BN kerana baginya "soal jawatan tidak penting ... yang lebih penting adalah kemenangan BN dalam pilihan raya kali ini".

-- BERNAMA

HJ RON